

(P)

**PERKEMBANGAN IDEA NASIONALISME DI FILIPINA
SEHINGGA PEMBENTUKAN REPUBLIK
MALOLOS : SUATU PERJUANGAN DARIPADA
PASIF KEPADA AKTIF**

**OLEH
KRISHNA MURTHY A/L CHINNAKANNU REDAY**

**Disertasi ini adalah untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera
Sejarah Asia Tenggara (secara berkursus dan disertasi) dengan kepujian.**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511025937

	Halaman
Abstrak	iii
Abstract	iv
Bahasa dan Ejaan yang Diguna.....	v
Singkatan.....	vi
Matawang.....	vi
Senarai Peta	vii
Istilah Sepanyol dan Tagalog.....	viii
Penghargaan	x
Pengenalan.....	xii
Masalah Kajian	xii
Peri Penting Kajian.....	xvi
Skop Kajian	xvi
Kaedah Kajian.....	xvii
Keterangan Sumber.....	xviii

BAB 1 : IDEA NASIONALISME DI FILIPINA

1.1 Nasionalisme – Pengertian Secara Umum	1
1.2 Dasar Penjajahan Sepanyol di Filipina dan Kesannya.....	8
1.3 Perkembangan Nasionalisme Selepas Abad ke 19.....	21
1.4 Pemberontakan Cavite 1872	27

BAB 2 : GERAKAN NASIONALISME TAHAP I : RIZAL DAN GERAKAN PASIF

2.1 Latar Belakang Gerakan Pasif.....	32
2.2 Pembaruan yang Diperjuangkan oleh Rizal.....	37
2.3 Peranan Golongan Ilustrado dalam Penyebaran Idea Motherland	38
2.4 Pengalaman Rizal di Eropah	41
2.5 Penulisan Rizal	43
2.6 Gerakan Propaganda di Luar Negara	55
2.7 Keberkesanannya Perjuangan Pasif.....	62

BAB 3 : GERAKAN NASIONALISME AKTIF : MASONRY, BONIFACIO, DAN KATIPUNAN

3.1 Peranan Masonry ke arah Perjuangan Aktif	76
3.2 Perkembangan Idea Masonry di Kalangan Orang Filipina	78
3.3 Kemunculan Andres Bonifacio dan Penubuhan Katipunan	88
3.4 Katipunan – Matlamat dan Ciri-ciri	93
3.5 Penulisan Bonifacio	95
3.6 Struktur Pentadbiran Katipunan	101
3.7 Kalayaan senagai Instrumen Katipunan	102
3.8 Kemunculan Golongan Bayani (hero)	105

BAB 4 : BONIFACIO DAN REVOLUSI FASA PERTAMA : PERSAINGAN DAN KRISIS KEPIMPINAN

4.1 Peristiwa yang Menjurus ke arah Revolusi	114
4.2 Cry of Balintawak (Tangisan Balintawak)	117
4.3 Pertempuran Awal	120
4.4 Peristiwa Pembunuhan Rizal	124
4.5 Kemunculan Emilio Aguinaldo dan Krisis Kepimpinan	128
4.6 Persaingan antara Kumpulan Magdiwang dan Magdalo	133
4.7 Pembentukan Kerajaan Biak-Na-Bato	144
4.8 Ke arah Perdamaian	148
4.9 Syarat-syarat Perjanjian Biak-Na-Bato	151
4.10 Aguinaldo dalam Buangan	153
4.11 Pencabulan Perjanjian Biak-Na-Bato dan Kebangkitan Semula	154

BAB 5 : AGUINALDO DAN REVOLUSI FASA KEDUA : PENUBUHAN REPUBLIK DI MALOLOS

5.1 Kerjasama Aguinaldo dengan Pihak Amerika	160
5.2 Usaha-usaha Ke arah Pembentukan Republik Malolos	170
5.3 Pengasasan Kerajaan Tempatan	174
5.4 Pengisytiharan Kemerdekaan	175
5.5 Pengasasan Kerajaan Revolusioner	178
5.6 Kongres Malolos	182
5.7 Perlembagaan Malolos	183
5.8 Pengisytiharan Republik Filipina	190
KESIMPULAN	199
Lampiran	216
Bibliografi	238

ABSTRAK

Nasionalisme, suatu istilah yang mempunyai pengertian yang cukup luas, secara umumnya dapat disimpulkan sebagai perasaan cinta terhadap tanah air. Sifat cinta terhadap tanah air ini akan menjadi semakin nyata apabila wujud faktor-faktor penggerak yang seterusnya akan mempercepatkan lagi kesedaran penduduk yang terlibat.

Segala perjuangan dan pengorbanan adalah tertumpu kepada satu matlamat membebaskan *motherland* yang tercinta. Filipina, sebuah negara yang dibelenggu penjajahan sejak 1565 telah melalui pahit-maung sebuah negara yang dijajah, seterusnya melahirkan penduduk yang memperjuangkan kebebasan *motherland* mereka.

Peranan tokoh sebagai penggerak nasionalis dan penentu hala tuju tidak dapat disangkal. Peranan mereka amat penting dalam menyatupadukan masyarakat dan menggariskan apa yang harus diperjuangkan. Seterusnya mereka menjadi penggerak revolusi. Jose Rizal, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo adalah tokoh yang telah membawa sinar kepada pergerakan nasionalisme di Filipina. Berbekalkan semangat cinta kepada *motherland* ketiga-tiga pejuang nasionalis berusaha membawa kesedaran dan membuka mata masyarakat Filipina serta menyatukan mereka melalui pelbagai saluran, antaranya penulisan dan pembentukan pertubuhan bersifat pasif dan radikal.

Berdasarkan perasaan cinta terhadap *motherland* inilah para nasionalis menggorak langkah untuk berkerajaan sendiri. Pembentukan Republik Malolos 1899 adalah melambangkan sebuah kerajaan yang lahir daripada pengorbanan hero-hero Filipina dan golongan massa.

ABSTRACT

Nationalism has several definitions culminating in the love for one's *motherland*. This becomes a reality when nationalists hasten the tides of nationalism thereby arousing the intellectuals and awakening the masses. All efforts and sacrifices amount to freeing the *motherland* from the chains of colonial bondage. The Philippines which was under Spanish domination since 1565 rises against its colonial masters to herald a free nation.

The roles and aspirations of the nationalist leaders cannot be denied. They serve as instruments in uniting the intellectuals and the masses and are seen as the prime initiators in the road to revolutions. Jose Rizal, Andres Bonifacio and Emilio Aguinaldo created an awareness amongst the Filipinos to love their *motherland* namely through their writings and establishment of passive and radical associations.

Based on the love for their *motherland*, these nationalists worked their way towards establishing a government. The Republic of Malolos which was formed in 1899 was a reflection of the sacrifices of the Filipino heroes and masses.

Bahasa dan Ejaan yang diguna

Walaupun disertasi ini ditulis dalam Bahasa Melayu, beberapa istilah dan gelaran dikekalkan dalam bahasa Sepanyol untuk mengekalkan keasliannya dan diberi penerangan dalam Bahasa Melayu. Petikan-petikan yang diguna dikekalkan dalam bahasa Inggeris untuk mengemukakan pendapat penulis-penulis asal tanpa sebarang tokoh-tambah supaya dapat meninggalkan kesan yang lebih mendalam terhadap pembaca.

Singkatan

Katipunan - Kataastaasan Kagalanggalang na Katipunan ng mga Anak ng Bayan

SOL - La Solidaridad

La Liga - La Liga Filipina

P.I.R. - Philippine Insurrection Records

n.p. - Tiada Penerbit

Mata wang

Mata wang peso yang diguna adalah merujuk kepada mata wang rasmi Filipina. Dollar merujuk kepada mata wang Amerika Syarikat.

Senarai Peta

Peta 1 - Filipina

Peta 2 - Selatan Luzon Tengah

Peta 3 - Luzon Tengah

Istilah Sepanyol dan Tagalog

Alcalde Mayor - pentadbir di peringkat wilayah

Barangay - unit pentadbiran paling kecil di Filipina

Barrio - daerah di kawasan luar bandar

Bayani – hero/patriot

Bolo - sejenis senjata seperti lembing yang bermata tajam

Cedula - dokumen identiti pengenalan diri

Cortes - Parlimen Sepanyol

Datu - ketua tempatan/barangay

Encomienda - tanah-tanah yang diberi kepada orang Sepanyol

Filibusterismo - perjuangan

Filibuster - pejuang

Gobernadorcillo - pegawai perbandaran

Kalayaan - kekebasan

Ilustrado - golongan intelelegencia

Indio - panggilan orang Sepanyol terhadap penduduk tempatan dan merupakan satu penghinaan

Mestizo - orang yang berketurunan darah Filipina dan campuran bangsa lain

Obras Pias - Institusi kewangan

Peninsulares – orang Sepanyol yang berasal dari negara Sepanyol

Peueblo - pekan

Polo - sistem buruh kerahan

Principalia - golongan atasan kaya/orang Sepanyol yang lahir di Filipina dan merupakan Okelas atasan kaya.

Royal Audencia - Majlis Kehakiman

Vandala - sistem yang mewajibkan penduduk tempatan menjual hasil kepada kerajaan

Visita - pegawai Sepanyol yang bertanggungjawab untuk menyelia gabenor jeneral

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyempurnakan disertasi ini, saya amat terhutang budi kepada beberapa pihak serta individu yang telah memberi bantuan yang sungguh bernilai kepada saya.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Aruna Gopinath atas kesanggupan beliau meluangkan masa yang begitu lama untuk membincangkan perkara-perkara berkenaan disertasi ini. Beliau telah memberi bimbingan dan dorongan serta kritikan membina untuk menyiapkan disertasi ini. Memandangkan saya mengikuti kursus ini secara sambilan, kesanggupan beliau mengatur sesi perbincangan mengikut kesesuaian saya amat saya hargai. Beliau juga telah meminjamkan banyak buku yang amat berharga untuk kajian saya. Tanpa bantuan beliau, tidak mungkin saya dapat menyempurnakan kajian ini. Pengorbanan dan sumbangan beliau amat saya hargai.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perpustakaan Universiti Malaya dan semua tenaga pengajar Jabatan Sejarah atas bantuan dan dorongan mereka secara langsung dan tidak langsung kepada saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang sahabat karib dan rakan seperjuangan, saudara Thanaraj Gopal dan saudari Ong Kui Hua yang telah banyak berkorban demi menyempurnakan disertasi ini. Bantuan dan dorongan anda amat bermakna kepada saya.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli keluarga dan khasnya buat pakcik dan makcik saya En. Ponnurajah dan Pn. Kamatchi. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri saya Kannamah yang banyak membantu untuk menaip disertasi ini.

Krishna Murthy A/L Chinnakannu Reday
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya.

PENGENALAN

Masalah Kajian

Disertasi bertajuk “**PERKEMBANGAN IDEA NASIONALISME DI FILIPINA SEHINGGA PEMBENTUKAN REPUBLIK MALOLOS : SUATU PERJUANGAN DARIPADA PASIF KEPADA AKTIF**” akan meneliti perkembangan nasionalisme di Filipina dari pertengahan abad ke-19 sehingga akhir abad ke-19. Tempoh lebih kurang 50 tahun itu adalah satu tempoh yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti nasionalisme di Filipina.

Seperti yang digambarkan oleh tajuk disertasi, persoalan penting yang akan dikaji adalah perjuangan nasionalisme secara pasif dan juga aktif. Perkembangan nasionalisme seringkali dilihat secara menyeluruh tanpa memisahkan dua tahap di atas. Disertasi ini akan membuat pembahagian yang nyata tentang tahap tersebut di samping menilai ciri-ciri serta kejayaan yang telah dicapai. Nasionalisme mempunyai pengertian yang cukup luas.¹ Penulisan disertasi ini akan memberikan penekanan kepada satu konsep utama yang berkaitan dengan nasionalisme iaitu “*motherland*”. Perasaan cinta kepada *motherland* inilah yang menggerakkan nasionalisme walaupun kebanyakkan penulisan mengenai nasionalisme menekankan konsep “*nation-state*”². Saya berpendapat di Filipina, keutamaan harus diberikan kepada konsep *motherland*. Walaupun kedua-duanya membawa maksud yang sama, saya berpendapat konsep *motherland* membawa impak yang lebih kepada penduduk Filipina.

¹ Jan Romein, The Asian Century – A History of Modern Nationalism in Asia, London : George Allen & Unwin Ltd., 1956, hlm. 32.

² Hans Kohn, The Idea of Nationalism : A Study of its Origins and Background, New York : Macmillan, 1944, hlm. 9.

Disertasi ini akan mengkaji dan menilai konsep “*motherland*” yang diterajui oleh tiga orang pemimpin nasionalis Filipina iaitu Jose Rizal, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo. Segala cara yang digunakan untuk memperkuuh idea mereka juga akan dibicarakan. Saya menekankan konsep *motherland* kerana saya mendapati segala aktiviti ketiga-tiga tokoh adalah berkisar kepada konsep *motherland*, walaupun masing-masing mempunyai pengertian mereka yang tersendiri dalam memahami dan mengaplikasi konsep *motherland* di dalam perjuangan mereka.

Istilah *motherland* digunakan dalam tesis ini untuk memberikan penekanan yang mendalam serta mengekalkan keaslian konsep yang diperjuangkan. Istilah *motherland* dan bukannya tanah air digunakan kerana penulis merasakan penggunaan istilah *motherland* meninggalkan impak yang lebih mendalam berbanding istilah tanah air, walaupun dari segi realiti kedua-dua membawa makna yang sama.

Dalam konteks ini negara Filipina adalah sebuah negara yang unik, terdiri daripada ribuan pulau. Filipina yang pada peringkat awalnya seolah-olah tiada identitinya tersendiri dan hanya menganggap dirinya “anak kepada *motherland* Sepanyol”³, tetapi akhirnya penduduk mula melihat Filipina itu sendiri sebagai “*motherland*” mereka. Ini merupakan satu kejayaan yang dicorakkan dalam pemikiran pemimpin dan penduduk Filipina.

Pejuang-pejuang nasionalisme menggunakan konsep *motherland* untuk menyatukan penduduk Filipina dan seterusnya berjuang menentang penjajah Sepanyol. Nasionalisme di

³ Onofre D. Corpuz, “Rizal : The First Filipino”, dalam *Jose Rizal and the Asian Renaissance*, International Conference on Jose Rizal and The Asian Renaissance, Kuala Lumpur, 1995, him. 2.

Filipina bukan sahaja untuk menghapuskan penjajahan asing tetapi juga untuk melihat diri mereka sebagai bangsa Filipina.

Dalam membicarakan konsep “*motherland*” peranan pemimpin yang menjiwai konsep tersebut tidak dapat dinafikan. Usaha dan idea yang dipelopori oleh mereka seterusnya disebarluaskan kepada masyarakat dengan segala saluran yang wujud.

Jose Rizal terkenal sebagai Bapa Kemerdekaan Filipina.⁴ Sejauh manakah peranan beliau sebagai pencetus nasionalisme? Bagaimana pula penerimaan rakyat terhadap perjuangan beliau? Bagaimana beliau menghubungkaitkan konsep *motherland* dalam perkembangan nasionalisme ? Persoalan-persoalan ini akan diutarakan dalam disertasi ini.

Begitu juga dengan peranan Andres Bonifacio yang dikatakan mencetuskan nasionalisme yang berciri tempatan. Pendekatan yang dibawa oleh beliau menampakkan kesinambungan dengan apa yang dilakukan oleh Rizal, pada masa yang sama memperlihatkan perbezaan dalam cara menuntut kebebasan. Konsep *motherland* yang dibawa oleh beliau juga menampakkan perbezaan daripada apa yang ditekankan oleh Rizal. Disertasi ini akan melihat sejauh mana Bonifacio berjaya mencetuskan konsep Filipina sebagai “*motherland*” di hati penduduk tempatan melalui pertubuhan Katipunan. Tumpuan juga akan diberikan kepada pertubuhan *masonry* yang membawa idea masonik dan seterusnya telah menjadi asas kepada perjuangan bercorak radikal yang ditonjolkan melalui pertubuhan Katipunan.⁵

⁴ Esteban A. De Ocampo, “Rizal, Pioneer Asian Nationalist and Freedom-Fighter”, dalam The Second Annual Jose P. Rizal Lectures, Manila : National Historical Commission, 1969, hlm. 25.

⁵ Teodoro A. Agoncillo, The Revolt of the Masses : The Story of Bonifacio and the Katipunan, Quezon City : University of the Philippines, 1956, hlm. 36.

Selepas Bonifacio, tumpuan diberi kepada seorang lagi tokoh, Emilio Aguinaldo. Dalam membincangkan Bonifacio dan Aguinaldo, sudah semestinya Revolusi Filipina 1896 merupakan satu peristiwa bersejarah yang melibatkan kedua-dua tokoh tersebut. Persaingan, sumbangan dan perselisihan yang tercetus antara dua tokoh ini dalam perebutan tampuk kepimpinan Katipunan juga akan dibincangkan dalam disertasi ini.

Disertasi ini akan diakhiri dengan melihat sejauh mana Emilio Aguinaldo telah memperkuuh segala sumbangan nasionalis dan penduduk Filipina dengan menubuhkan Republik Malolos. Walau bagaimanapun usaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada pihak Amerika Syarikat berterusan selepas itu. Republik Malolos yang diasaskan oleh orang Filipina itu tidak diiktiraf oleh kuasa Amerika Syarikat kerana mengikut Perjanjian Paris yang ditandatangani pada 10 Disember 1898, Filipina dengan rasmi diserahkan kepada Amerika Syarikat.⁶ Namun begitu, kajian saya hanyalah sehingga pembentukan Republik Malolos sahaja kerana saya menganggap pembentukan republik itu sendiri merupakan satu hasil dan kemuncak daripada apa yang diperjuangkan selama ini dan menjadi aspirasi rakyat Filipina secara umumnya dan menjadi tanda kemerdekaan bagi orang-orang Filipina terhadap hasil pencapaian daripada gerakan nasionalisme Republik Malolos yang mendapat nama sempena pusat kegiatan pembentukan kerajaan di Malolos, juga di kenali sebagai Republik Filipina yang mempunyai beberapa ciri-ciri kemerdekaan.

⁶ Gregorio F. Zaide, The Philippine Revolution, Manila : The Modern Book Company, 1954, hlm. 239.

Peri Penting Kajian

Tidak dapat dinafikan topik nasionalisme telah pun diberi tumpuan yang amat mendalam oleh penulis-penulis sejarah Filipina sebelum ini. Namun begitu mereka biasanya mengambil pendekatan menyeluruh dalam membincangkan tajuk tersebut. Disertasi ini akan cuba melihat perkembangan nasionalisme dalam dua tahap yang berbeza iaitu pasif dan aktif.

Selain itu, konsep *motherland* yang menjadi asas kepada gerakan nasionalisme itu akan diberi tumpuan khusus. Sebelum ini tidak ada penulisan yang mengambil pendekatan sedemikian. Adalah diakui cinta kepada negara telah disentuh oleh ramai penulis. Penulisan ini cuba meletakkan konsep *motherland* itu sebagai satu faktor utama yang menggerakkan nasionalisme di Filipina.

Disertasi ini cuba menilai kembali peranan tiga orang tokoh nasionalis Filipina yang terkenal iaitu Jose Rizal, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo secara kritis. Yang penting akan dibuktikan bahawa segala perlakuan dan tindakan mereka bertitik tolak daripada pemahaman dan cinta mereka terhadap *motherland*.

Skop Kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada perkembangan nasionalisme dari pertengahan abad ke 19 hingga ke akhir abad ke 19. Kajian ini akan memberi tumpuan khusus kepada tempoh masa 1872-1899. Dalam ertikata lain akan memberi fokus bermula daripada peristiwa Cavite 1872 hingga pembentukan republik Filipina yang lebih dikenali

dengan Republik Malolos (1899). Tempoh masa 27 tahun ini adalah tempoh di mana gerakan nasionalisme sememangnya ketara dan banyak perkembangan dan peristiwa yang berlaku pada tahap ini. Peristiwa Cavite adalah titik tolak kepada kemunculan gerakan nasionalisme dan pembentukan Republik Malolos pula adalah hasil segala usaha penduduk dan nasionalis tempatan.

Namun begitu untuk membincangkan latar belakang penjajahan Sepanyol di Filipina, disertasi ini akan menyentuh serba sedikit perkembangan yang lebih awal penjajahan Sepanyol di Filipina. Ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang kesan dan akibat dasar serta pemerintah Sepanyol di Filipina yang telah mencetuskan nasionalisme di kalangan orang Filipina.

Kaedah Kajian

Kajian ini disempurnakan dengan mengambil pendekatan historical melalui kaedah penyelidikan perpustakaan dengan mengkaji bahan-bahan sumber utama yang diterbitkan dan sumber sekunder.

Keterangan Sumber

Disertasi ini disempurnakan dengan menggunakan bahan-bahan terhad yang diperolehi dari perpustakaan Universiti Malaya dan bahan-bahan yang diterima daripada penyelia saya. Masalah besar yang dihadapi dalam membuat kajian ini ialah ketiadaan sumber pertama. Memandangkan sebagai pelajar yang mengikuti kursus ini secara sambilan, kesukaran mendapat cuti belajar yang lebih panjang dan masalah kewangan yang dihadapi telah menjadi penghalang kepada saya untuk pergi ke arkib di Filipina. Namun begitu, saya telah berusaha mengatasi kelemahan-kelemahan ini dengan meneliti surat-surat dan dokumen-dokumen yang telah diterbitkan dalam buku-buku yang diperolehi dari perpustakaan dan juga daripada penyelia saya Dr. Aruna Gopinath.. Berikut adalah antara surat dan dokumen yang dikaji.

I Letters Between Rizal and Family Members, Vol. II, Manila : National Heroes Commission, 1964.

- a) Surat Narcisa Rizal kepada Jose Rizal, 10 Mac 1891,

Penting untuk membuktikan penindasan dan ketidakadilan pentadbir dan paderi Sepanyol ke atas masyarakat Filipina.

- b) Surat Paciano kepada Rizal, 5 November 1884,

Surat ini digunakan bagi menjelaskan impak daripada ucapan Rizal di Madrid yang mendesak persamaan hak bagi orang Filipina dan menyampaikan hasrat agar Filipina disatukan di dalam Sepanyol dan seterusnya melihat Sepanyol sebagai *motherland*.

- c) Surat Mariano Herbosa kepada Rizal, 13 November 1882,

Menjelaskan kegagalan perjuangan propaganda di Manila.

II The Rizal – Blumentritt Correspondence, Vol. II, Manila : Jose Rizal National Centennial Commission, 1961.

a) Surat Blumentritt kepada Rizal, 27 Mac 1887,

Berkaitan dengan usaha Rizal untuk propaganda melalui penulisan *Noli Me Tangere*.

III French Consular Dispatches on the Philippine Revolution, terjemahan oleh Ma.

Luisa T. Camagay, Quezon City : University of the Philippine Press, 1997.

a) Surat Konsul G. de Berard kepada Menteri Luar Peranchis, 1 Oktober 1898,

Penting untuk menjelaskan usaha Aguinaldo dalam mendirikan kerajaan republik di Filipina.

b) Surat Konsul G. de Berard kepad Menteri Luar Peranchis, 11 Januari 1897,

Menunjukkan kekejaman Gabenor Blanco yang bertindak membunuh orang Filipina yang disyaki sebagai pemberontak yang akhirnya juga membawa kepada pembunuhan Jose Rizal.

IV Philippine Insurrection Records (P.I.R.)

Dokumen-dokumen penting tentang Katipunan dan revolusi 1896, kebanyakan sumber diperolehi daripada penyelia saya, Dr. Aruna Gopinath. Dokumen-dokumen tersebut disenaraikan dengan terperinci dalam bahagian bibliografi.

V Akhbar La Solidaridad yang telah dibukukan juga diteliti untuk membuktikan penindasan golongan paderi terhadap orang tempatan.

Sumber kedua pula terdiri daripada buku-buku yang berkaitan dengan tajuk ini. Majalah, artikel dan kertas kerja juga digunakan. Penulis sumber kedua adalah terdiri daripada orang Filipina, Sepanyol atau Amerika Syarikat yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris.

Dari segi penggunaan sumber kedua, beberapa buku telah menjadi bahan asas kepada kajian saya. Untuk mendapat maklumat asas sejarah Filipina, saya telah menggunakan buku yang ditulis oleh Onofre D. Corpuz, The Roots of the Filipino Nation,

Quezon City : Aklahi Foundation Inc. 1989 yang dimuatkan dalam dua siri. Buku ini merupakan antara buku baru yang menggambarkan keadaan sebenar masyarakat Filipina dan memberikan maklumat lengkap tentang kehidupan masyarakat Filipina semasa penjajahan Sepanyol dan Amerika Syarikat.

Sebuah lagi buku yang memberikan maklumat lengkap penjajahan Sepanyol ialah The Hispanization of Philippines : Spanish Aims and Filipino Responses 1565-1700 yang ditulis oleh John Leddy Phelan. Buku ini digunakan khususnya untuk mendapat gambaran mengenai dasar Hispanisasi iaitu dasar pentadbiran Sepanyol yang banyak meninggalkan impak ke atas masyarakat Filipina yang membawa kepada kebangkitan nasionalisme.

Bagi membincarkan perkembangan nasionalisme di Filipina, dua buah buku telah digunakan sebagai bahan utama. Pertama, tulisan Teodoro A. Agoncillo, Filipino Nationalism 1872-1970, Quezon City : R.P. Garcia Publishing Co., 1974. Kedua, tulisan Usha Mahajani, Filipino Nationalism, External Challenge and Filipino Response 1565-1946, Queensland: University of Queensland, 1971. Buku-buku tersebut telah digunakan untuk membuat kajian terperinci mengenai perkembangan nasionalisme Filipina, membantu saya untuk mendapat gambaran peringkat-peringkat perkembangan nasionalisme khususnya dari peringkat pasif ke aktif. Pembacaan buku-buku tersebut membolehkan saya melihat pendapat penulis tempatan Filipina dan juga penulis luar.

Perkembangan idea nasionalisme di Filipina bermula dari tahap pasif dan akhirnya menjadi aktif. Untuk mendapatkan gambaran gerakan nasionalisme awal iaitu perjuangan secara pasif, saya telah menggunakan tulisan J.N. Schumacher, The Propaganda Movement 1880-1895, Manila : Ateneo de Manila, University Press, 1997. Tulisan beliau berguna

untuk mendapat maklumat mengenai gerakan propaganda. Ia merupakan buku utama yang saya gunakan untuk membincangkan perjuangan secara pasif di Filipina.

Bagi membicarakan perjuangan secara aktif, tulisan Teodoro A. Agoncillo, The Revolt of the Masses : The Story of Bonifacio and the Katipunan, Quezon City : University of the Philippines, 1956 memberikan maklumat yang lengkap. Buku ini telah membantu saya untuk membincangkan pertubuhan radikal Katipunan dan revolusi yang diterajui oleh golongan massa. Sebuah lagi buku yang amat membantu saya dalam membicarakan perjuangan aktif ialah tulisan Alejo L. Villanueva, Bonifacio's Unfinished Revolution, Quezon City : New Day Publishers, 1989.

Perjuangan secara aktif di Filipina juga berkaitan dengan pertubuhan masonry. Untuk mendapat asal-usul dan peranan masonry, buku utama yang digunakan ialah penulisan Douglas Knoop and G.P. Jones, An Introduction to Freemasonry, England : Manchester University Press, 1937. Tulisan Maximo M. Kalaw, The Development of Philippine Politics (1872-1920), Vol. I, Manila : Oriental Commercial Co., Inc., 1926 juga membantu saya dalam memberikan maklumat mengenai pengaruh masonry yang akhirnya membawa kepada pertubuhan radikal Katipunan.

Untuk menerangkan pembentukan republik Malolos, saya mendapati buku Malolos: The Crisis of the Republic, Quezon City : College of Liberal Arts, 1960 tulisan Teodoro A. Agoncillo, amat penting bagi pengkajian saya. Ini adalah disebabkan buku ini memberikan maklumat terperinci tentang proses pembentukan kerajaan tersebut.

Peranan tokoh juga dipentingkan dalam kajian ini. Saya telah menggunakan beberapa buah buku penting untuk mendapat maklumat dan sumbangan tiga tokoh utama iaitu Jose Rizal, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo. Tulisan Leopoldo Y. Yabes, Jose Rizal on His Centenary, Quezon City : University of the Philippines, 1963 membantu saya untuk mendapat maklumat lengkap mengenai Jose Rizal. Buku tulisan Alejo L. Villanueva, Bonifacio's Unfinished Revolution, Quezon City : New Day Publishers, 1989 amat membantu dalam mengkaji mengenai Bonifacio. Buku tulisan Eufronio M. Alip, In the Days of General Emilio Aguinaldo, memberikan maklumat lengkap mengenai Aguinaldo.

Di samping itu, penulisan tokoh-tokoh tersebut juga digunakan dalam kajian ini. True Version of the Philippine Revolution, Farlak, (Philippine Island), 1899, tiada penerbit yang ditulis oleh Aguinaldo digunakan untuk membuktikan kejujuran beliau dalam perjuangan ke arah pembentukan kerajaan sendiri. Novel *Noli Me Tangere* dan *El Filibusterismo* yang ditulis oleh Jose Rizal yang telah diterjemahkan diguna untuk mendapat gambaran tentang kekejaman dan penindasan pegawai dan paderi Sepanyol terhadap penduduk tempatan. Selain itu, sajak dan karya Rizal seperti *A La Juventud Filipino*, *Sucesos de las Islas Filipinas*, *La Indolencia de los Filipinos*, *The Philippines A Century Hence*, *Love of Country* juga telah dikaji untuk membicarakan kesedaran nasionalisme yang cuba dibangkitkan oleh Rizal. Sajak *Pagibig sa Tinubuang Bayan*, *Ang Dapat Mabatid Ng Mga Tagalog*, *Tapunan Ng Lingap*, *Cazadores* yang ditulis oleh Andres Bonifacio yang telah diterjemahkan juga digunakan untuk membuktikan sikap patriotisme dan semangat cintakan negara yang ada pada diri beliau. Kertas kerja yang belum diterbitkan iaitu *International Conference on Jose Rizal And The Asian Renaissance* juga digunakan untuk membicarakan peranan Rizal dalam membangkitkan kesedaran nasionalisme secara pasif. Di samping penulisan tokoh-tokoh, majalah The Sunday Times

Magazine, Manila, 1969 juga telah diteliti untuk mendapat gambaran khas mengenai revolusi.

Di samping itu **mikrofilem** tulisan Melanio Seduripa Figuracion bertajuk "Background and Development of Philippine Nationalist 1872-1899, Pittsburg : University of Pittsburg, 1959 juga dirujuk untuk membicarakan perkembangan nasionalisme di antara tahun 1872-1899. Sebuah lagi mikrofilem yang dikaji untuk membincangkan nasionalisme secara pasif ialah tulisan John N. Schumacher, The Filipino Nationalists Propaganda Campaign in Europe 1880-1895, Washington D.C. : Georgetown University, 1968.

Kaedah penulisan disertasi ini adalah berdasarkan panduan yang saya perolehi daripada buku Garis Panduan Penulisan Laporan Penyelidikan, Disertasi dan Tesis, Institut Pengajian Siswazah terutamanya teknik penulisan nota kaki.

Peta 1 : Filipina

